

# Boling Alumni UMS dapat sambutan menggalakkan

UB 24.3.2014 415

**KOTA KINABALU:** Kejuaraan Boling Alumni UMS yang diadakan di CPS Bowl Centre Point baru-baru ini mendapat sambutan yang menggalakkan.

Kejohanan itu bertujuan untuk mengeratkan silaturrahim dalam kalangan peserta khususnya para alumni UMS disamping mencungkil bakat dari atlet-atlet dalam sukan berkenaan.

Seramai 30 peserta melalui 10 kumpulan telah mengikuti pertandingan berkenaan yang terdiri dari alumni UMS, baik dari dalam maupun agensi diluar UMS, dari sekitar Kota Kinabalu.

Pertandingan tersebut telah dirasmikan oleh Prof. Madya Datuk Dr. Haji Kasim Haji Mansur selaku Timbalan Naib Canselor

Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA), UMS.

Turut hadir adalah Pengarah Pusat Alumni UMS, Lt. Kol (PA) Prof. Madya Dr. Mahmud Haji Sudin, dan Penolong Pendaftar, Cik Dayangku Roszlina Datuk Aliudin serta kakitangan Pusat Alumni selaku Urusetia.

Dalam ucapan perasmian, Kassim mengucapkan syabas kepada para alumni atas penyertaan yang begitu memberangsangkan dan juga berterima kasih kepada Pusat Alumni atas penganjuran aktiviti berkenaan.

“Jika kita bersatu, UMS akan bertambah maju” ujar beliau. Tambahnya lagi kemeriahan yang dikongsi bersama di dalam aktiviti seperti ini bukan sahaja

mewujudkan integrasi serta hubungan baik dalam kalangan semua pihak malahan menjana persekitaran yang sihat dan minda yang cerdas dengan pengisian masa lapang secara bersukan.

Terdahulu, Pengarah Pusat Alumni selaku Pengerusi Pertandingan telah menyatakan bahawa dengan sambutan baik dan amat memberangsangkan, pihaknya tidak teragak-agak untuk berkerjasama sekiranya kejohanan seumpamanya diteruskan pada siri seterusnya dalam tahun ini termasuk dalam kalangan chapter-chapter alumni di lain-lain tempat di seluruh negara.

Beliau berkata “aktiviti-aktiviti yang bermanfaat dan membina interaksi

seumpama ini, akan kita pertimbang untuk sentiasa membantu, khususnya jika ada permintaan oleh alumni UMS bagi menganjurkan aktiviti-aktiviti yang mengeratkan alumni di tempat-tempat mereka”.

Penyelaras pertandingan, Cik Dayangku Roszlina menyatakan untuk kali ini kategori berpasukan dan individu sahaja yang dipertandingkan.

Dalam Kategori Berpasukan, tempat ketiga telah dimenangi oleh kumpulan yang dianggotai oleh Haji Manap Haji Zainuddin, Jansah Moktar dan Alizah Fadzlor yang melakukan 1422 jatuhan pin.

Sementara Naib Johan jatuh kepada kumpulan bersama Musli Mantaha, Izham Abu Bakar dan Shahril Afif dengan 1478 mata, manakala jatuhan pin 1521 telah menobatkan Othman Haji Rawi, Harun Tambiri dan Mohd Aliff Othman sebagai Juara.

Bagi kategori individu pula, gelaran ‘Best Bowler’ lelaki menjadi milik Othman Haji Rawi dengan jatuhan pin 557, manakala Alizah Fadzlor muncul sebagai ‘Best Bowler’ Perempuan apabila memungut 493 mata.

Para pemenang telah menerima hamper, trofi dan juga sejumlah wang tunai yang telah disampaikan oleh Prof. Madya Dr Mahmud Haji Sudin, Pengarah Pusat Alumni UMS.



**JOHAN pertandingan; Othman Hj Rawi, Harun Tambiri dan Mohd Aliff Othman dengan 1521 mata.**